



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA PUAN YANG TERUTAMA GRACE FU, MENTERI KELESTARIAN DAN ALAM SEKITAR, REPUBLIK SINGAPURA KE TAMAN NEGARA ULU TEMBURONG DAN BARRAMUNDI GROUP (B) SDN BHD

Hari Khamis, 21hb. Jamadilawal 1444H Bersamaan 15hb. Disember 2022

Bandar Seri Begawan – Puan Yang Terutama Grace Fu, Menteri Kelestarian dan Alam Sekitar, Republik Singapura berserta rombongan, hari ini telah membuat lawatan kerja ke Taman Negara Ulu Temburong dan juga ke Barramundi Asia (B) Sdn Bhd, Kampong Serasa.

Turut hadir bagi mengalu-alukan rombongan lawatan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan juga Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, berserta Pegawai-Pegawai Kanan dari Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Program lawatan Puan Yang Terutama bermula dengan menyusuri sungai menggunakan temuai (*longboat*) menuju ke Taman Negara Ulu Temburong dan seterusnya berjalan melalui denai hutan dan menaiki menara ke Jejantas Silara (*Canopy Walkway*) bagi menyaksikan pemandangan panoramik hutan hujan tropika yang kaya dengan kepelbagaian flora dan fauna.

Seterusnya satu taklimat mengenai projek bagi menaiktaraf, mengendali dan memelihara kompleks penginapan di Taman Negara Ulu Temburong telah disampaikan oleh wakil pengendali projek berkenaan iaitu Syarikat Sundaland Resorts Pte. Ltd., syarikat Pelaburan Langsung Asing dari Republik Singapura.

Puan Yang Terutama seterusnya membuat lawatan ke Syarikat Barramundi Group (B) Sdn Bhd di Kampong Serasa, untuk melihat secara dekat fasiliti yang terdapat di Syarikat berkenaan, antaranya *hatchery/recirculating aquaculture system (RAS)* dan *diagnostic and laboratory services*.

Syarikat Barramundi Asia (B) Sdn Bhd mengusahakan ternakan ikan selongsong (*Lates Calcarifer*) di laut dan darat dan mempunyai 29 orang tenaga kerja. Bagi perusahaan ternakan ikan di laut, Syarikat berkenaan beroperasi di tapak seluas 10 hektar menggunakan 28 sangkar dan bagi perusahaan ternakan ikan di darat beroperasi di tapak seluas 0.5 hektar sebanyak menggunakan 12 tangki. Sehingga bulan November 2022, hasil perolehan ternakan ikan di laut adalah sebanyak lebih 68 ribu tan metrik, manakala bagi ternakan ikan di darat adalah sebanyak lebih 233 ribu ekor anak ikan. Syarikat Barramundi Asia (B) Sdn Bhd telah mula mengeksport ikan selongsong ke Republik Singapura pada bulan September tahun ini.

/TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Pehubungan Awam

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 15hb. Disember 2022M